



NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI ADALAH DIBERITAHU BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) KPJ Healthcare Berhad kali ke Tujuh Belas (17) akan diadakan di Tanjung Puteri 303, Aras 3, Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Jalan Abdullah Ibrahim, 80000 Johor Bahru, Johor pada hari Isnin 31 Mei, 2010 jam 12.30 petang bagi tujuan-tujuan berikut:

AGENDA

Urusan Biasa

1. Menerima dan menimbangankan Akaun Beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 berserta Laporan Pengarah-Pengarah dan Juruaudit. **(Resolusi 1)**
2. Untuk melantik semula Pengarah-Pengarah berikut yang bersara menurut Artikel 96 Tataurusan Syarikat: **(Resolusi 2)**
 - (i) Datuk Dr Hussein Awang **(Resolusi 3)**
 - (ii) Dr Kok Chin Leong **(Resolusi 4)**
 - (iii) Dr Yoong Fook Ngian
3. Untuk menimbangankan, dan sekiranya wajar, meluluskan resolusi: "Bahawa menurut Seksyen 129 (6) Akta Syarikat 1965, Tan Sri Datuk Arshad Ayub adalah dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang." **(Resolusi 5)**
4. Untuk meluluskan bayaran yuran Pengarah untuk tahun berakhir 31 Disember 2009. **(Resolusi 6)**
5. Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit dan memberi kuasa kepada Pengarah untuk menetapkan bayaran mereka. **(Resolusi 7)**

Sebagai Urusan Khas

Untuk mempertimbangkan dan sekiranya di dapati wajar, meluluskan resolusi-resolusi berikut:

6. RESOLUSI BIASA 1

KUASA UNTUK MENERBITKAN SAHAM SELARAS DENGAN PERUNTUKAN SEKSYEN 132D AKTA SYARIKAT, 1965

"BAHAWA selaras dengan Seksyen 132D Akta Syarikat 1965 ("Akta"), Tataujud Syarikat dan tertakluk kepada mana-mana pihak Kerajaan dan/atau pihak-pihak berkuasa, para Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk menerbitkan saham-saham Syarikat, pada bila-bila masa dan menunaikan syarat-syarat dan peraturan dan untuk tujuan sedemikian yang dibolehkan oleh para Pengarah, dengan penuh budi bicaranya yang difikirkan sesuai, dengan syarat bahawa jumlah saham-saham yang diterbitkan mengikut resolusi ini pada mana-mana tahun kewangan tidak melebihi 10 peratus daripada modal terbitan Syarikat buat masa ini dan bahawa para Pengarah juga diberi kuasa untuk mendapatkan kelulusan untuk penyenaraian dan sebut harga bagi saham-saham tambahan yang akan diterbitkan di Bursa Malaysia Securities Berhad dan bahawa kelulusan sedemikian akan terus berkuatkuasa sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya." (Lihat Nota f) **(Resolusi 8)**

7. RESOLUSI BIASA 2

CADANGAN PEMBAHARUAN BIDANG KUASA UNTUK BELIAN BALIK SAHAM (CADANGAN BELIAN BALIK)

"BAHAWA tertakluk kepada Seksyen 67A Akta, Bahagian IIIA Peruntukkan Syarikat 1966, peruntukan oleh Tataurusan Syarikat dan Syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities dan undang-undang, peraturan dan garis pedoman yang lain kini berkuatkuasa, para Pengarah Syarikat dengan ini diberi kuasa untuk membeli saham biasa bernilai tara RM0.50 sesaham di dalam modal dikeluarkan dan membayar Syarikat melalui Bursa Securities tertakluk kepada berikut:

- (a) Bilangan maksima bilangan Saham yang boleh dibeli dan/atau dipegang oleh Syarikat adalah tidak melebihi sepuluh peratus (10%) dari jumlah modal diterbitkan dan membayar Syarikat pada bila-bila masa tertakluk kepada had modal yang diterbitkan dan membayar Syarikat adalah tidak kurang daripada keperluan minima modal Syarikat di bawah Syarat Penyenaraian;
- (b) Jumlah maksima dana yang diperuntukkan oleh Syarikat bagi tujuan pembelian saham hendaklah tidak melebihi daripada jumlah keuntungan terkumpul dan akaun premium saham Syarikat; dan
- (c) Selepas selesai pembelian saham oleh Syarikat, Pengarah-pengarah adalah diberi kuasa untuk menguruskan saham yang dibeli balik dengan cara berikut:
 - (i) baltakan saham yang dibeli; atau
 - (ii) simpan saham yang dibeli sebagai saham perbendaharaan dan dipegang oleh Syarikat; atau
 - (iii) simpan sebahagian saham yang dibeli sebagai saham perbendaharaan dan sebahagian lagi dibatalkan, atau
 - (iv) bahagi saham perbendaharaan sebagai dividen kepada pemegang-pemegang saham dan/atau menjual balik di Bursa Securities dan/atau dibatalkan kesemua atau sebahagian saham tersebut.

sebagaimana yang termaktub di dalam Akta, undang-undang, peraturan dan garis pedoman selaras dengan Akta dan syarat-syarat Bursa Securities dan pihak berkuasa yang lain yang kini berkuatkuasa;

DAN BAHAWA kuasa yang diberikan oleh resolusi ini akan berkuatkuasa sehingga:

- (a) Selesai MAT Syarikat berikutnya di mana kuasa tersebut akan luput kecuali dengan resolusi biasa yang diluluskan di dalam mesyuarat agung tersebut, kuasa tersebut akan diperbaharui samada bersyarat atau tanpa syarat; atau
- (b) Tamat tempoh di mana MAT berikutnya selepas tarikh yang disyaratkan oleh undang-undang akan diadakan menurut Seksyen 143(1) Akta tersebut (tetapi lanjutannya tidak boleh dilanjutkan seperti yang dibenarkan menurut Seksyen 143(2) Akta tersebut; atau
- (c) Dibatalkan atau diubah melalui resolusi yang diluluskan oleh pemegang saham Syarikat dalam mesyuarat agung,

yang mana lebih awal.

DAN BAHAWA para Pengarah dengan ini diberi kuasa untuk melaksanakan, menyelesaikan dan memberi kesan penuh kepada Cadangan Pembaharuan Bidangkuasa Pembelian-Balik Saham dengan kuasa penuh untuk memberi persetujuan kepada sebarang syarat-syarat pembetulan-pembetulan, perubahan-perubahan (sekiranya ada) menurut peruntukan Akta, Tataujud dan Tataurusan Syarikat, garis panduan yang dikeluarkan oleh Bursa Securities dan lain-lain pihak berkuasa tempatan berkaitan." (Lihat nota g) **(Resolution 9)**

8. RESOLUSI BIASA 3

CADANGAN PEMBAHARUAN MANDAT PEMEGANG SAHAM UNTUK TRANSAKSI BERULANG DENGAN PIHAK BERKAITAN (TBDPB) YANG BERUNSURKAN PENDAPATAN ATAU DAGANGAN ("CADANGAN MANDAT PEMEGANG SAHAM")

"BAHAWA selaras dengan peruntukkan Akta Syarikat 1965, (Akta), Tataujud dan Tataurusan Syarikat, Syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities dan lain-lain pihak berkuasa yang lain, kuasa diberikan kepada Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya, untuk:

- (a) memasuki mandat baru bagi Transaksi Berulang dengan Pihak Berkaitan yang berunsurkan Pendapatan atau Dagangan; dan
- (b) memperbaharui mandat pemegang saham bagi Transaksi Berulang dengan Pihak Berkaitan yang berunsurkan Pendapatan atau Dagangan dengan syarikat-syarikat yang tersebut untuk mengadakan dan memberi efek ke atas TBDPB;

sebagaimana butiran yang dinyatakan di dalam Seksyen 2.3 dan 2.4, Bahagian B di dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 7 Mei 2010 ("Pekeliling") dengan pihak-pihak berkaitan yang dinyatakan di dalam Pekeliling, dengan syarat transaksi-transaksi tersebut adalah berunsur bisnes biasa Syarikat dan/atau syarikat-syarikat subsidiarinya, dibuat berdasarkan kesaksamaan dan menurut terma-terma komersial yang kebiasaannya disediakan kepada awam dan yang tidak merugikan pemegang saham minority Syarikat, dan

BAHAWA kuasa ini akan berkuatkuasa dengan serta merta sehingga:

- (a) selesai MAT Syarikat berikutnya di mana kuasa tersebut akan luput kecuali dengan resolusi yang diluluskan di dalam mesyuarat agung, kuasa tersebut akan diperbaharui; atau
- (b) tamat tempoh di mana MAT berikutnya selepas tarikh yang disyaratkan oleh undang-undang perlu diadakan menurut Seksyen 143(1) Akta tersebut (tetapi tidak melebihi lanjutan yang dibenarkan menurut Seksyen 143(2) Akta tersebut; atau
- (c) dibatalkan atau diubah melalui resolusi yang diluluskan oleh pemegang saham Syarikat dalam mesyuarat agung;

yang mana lebih awal.

DAN BAHAWA para Pengarah Syarikat dengan ini diberi kuasa untuk menyelesaikan dan melakukan semua tindakan dan perkara (termasuk melaksanakan semua dokumen sebagaimana yang diperlukan) sebagaimana difikirkan sesuai atau perlu untuk memberi kesan kepada Cadangan Mandat Pemegang saham." (Lihat Nota h) **(Resolution 10)**

9. Untuk melaksanakan sebarang urusan yang mana notis yang sewajarnya telah diberikan.

Dengan Perintah Lembaga, KPJ HEALTHCARE BERHAD

SALMAH ABD WAHAB (LS 02140)
ROHAYA JAAFAR (LS 08376)
Setiausaha-Setiausaha

Johor Bahru
Berterikh : 7 Mei, 2010

NOTA:

- a. Seorang ahli yang berhak menghadiri dan mengundi dalam Mesyuarat ini berhak melantik seorang proksi untuk menghadiri bagi pihak dirinya. Seorang proksi boleh tetapi tidak semestinya seorang ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 tidak perlu dipatuhi.
- b. Instrumen pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakil yang berkuasa secara bertulis atau sekiranya pelantik adalah sebuah perbadanan, suratcara proksi mestilah disempurnakan di bawah meterai syarikat atau dengan lain-lain cara yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- c. Di mana seorang Ahli Syarikat adalah seorang Wakil yang diberi kuasa seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Depositari Berpusat 1991, beliau boleh melantik sekurang-kurangnya satu (1) proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipegangnya bersama saham-saham biasa Syarikat berdasarkan kredit pada Akaun Syarikat.
- d. Suratcara pelantikan proksi hendaklah sampai di pejabat berdaftar Syarikat di alamat: KPJ Healthcare Berhad, Aras 2, Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Jalan Abdullah Ibrahim, 80000 Johor Bahru, Johor sekurang-kurangnya empat puluh lapan (48) jam sebelum mesyuarat diadakan.
- e. Sebarang perubahan yang dilakukan ke atas borang proksi, hendaklah di tanda-tangan ringkas oleh orang yang menandatangani borang proksi tersebut.
- f. Resolusi 8 yang dicadangkan, jika diluluskan, akan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menerbitkan sehingga jumlah maksimum keseluruhannya tidak melebihi 10% dari modal saham terbitan Syarikat pada waktu kini untuk tujuan tersebut sebagaimana yang difikirkan wajar oleh para Pengarah demi kepentingan Syarikat. Kuasa ini akan tamat di dalam mesyuarat agung tahunan Syarikat yang akan datang kecuali dibatalkan atau diubah oleh resolusi biasa Syarikat di dalam mesyuarat agung, yang mana lebih awal.
 - Mandat yang dipohon di bawah Resolusi 8 adalah pembaharuan bagi mandat sedia ada
 - Jumlah yang diterbitkan daripada mandat yang lepas adalah RM2,114,035
- g. Resolusi 9 yang dicadangkan, jika diluluskan, adalah bagi membolehkan Syarikat menggunakan mana-mana sumber lebih kewangannya untuk membeli saham-sahamnya di pasaran saham.
- h. Resolusi 10 yang dicadangkan, sekiranya diluluskan, adalah khusus untuk memberi kuasa kepada Syarikat dan/atau syarikat-syarikat subsidiarinya yang tidak tersenarai untuk membuat penentuan atau transaksi-tansaksi dengan Pihak-pihak Berkaitan, yang mana butirannya diterangkan di dalam Seksyen 2.3 dan 2.4, Bahagian B di dalam Pekeliling kepada Para Pemegang Saham bertarikh 7 Mei 2010 yang diedarkan bersama-sama dengan Laporan Tahunan ini, yang diperlukan untuk operasi harian Kumpulan dan berdasarkan kepada terma-terma komersial yang lazim yang tidak lebih memihak kepada pihak-pihak berkaitan dari yang disediakan untuk pihak awam keseluruhannya.